

SAINSTISME DAN KEBENARAN AL-QURAN

Muhammad Aminullah Bin Rosdi ¹
Muhammad Syakir Bin Mustaffa ²
Mohamad Zuhhairi bin Ratijan ³
Maisarah Saidin ⁴

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: aminullah@raudah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: syakirmustaffa@raudah.usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM) Malaysia, (E-mail: mohamadzuhhairi@raudah.usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Abstrak: Islam adalah agama yang syumul, sememangnya tidak boleh dipisahkan daripada sains. Dalam Islam terdapat pelbagai ilmu berkaitan kehidupan yang didasarkan dari al-Quran dan Hadis. Begitu juga bidang ilmu lain seperti astronomi, biologi, zoologi dan sebagainya tidak boleh dipisahkan daripada Islam. Namun, terdapat sebahagian besar masyarakat yang taksub untuk memisahkan al-Quran daripada sains antaranya adalah golongan saintisme. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti punca atau faktor wujudnya saintisme dalam masyarakat, seterusnya mengetahui teori saintisme serta mengkritik teori mereka berdasarkan hujah dan kebenaran yang termaktub dalam Al Quran demi pemeliharaan syariat Islam yang semakin terjejas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis dokumen dan teks al-Quran. Hasil daripada kajian tersebut, teori yang disebarkan oleh golongan saintisme didapati sepenuhnya terpesong apabila teknologi masa kini telah mengkaji kebenaran yang terdapat dalam al-Quran. Sebagai contoh, teori Darwin yang mengatakan manusia berevolusi daripada monyet, telah terbukti bahawa Al-Quran menyatakan manusia berasal dari air mani (al Mu'minun: 14). Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat membuka mata masyarakat untuk mendalami lebih lanjut tentang hubung kait antara al-Quran dan Sains seterusnya berpegang teguh dengan kehujahan al-Quran.

Kata kunci :al-Quran, sains, saintisme, teori

Pengenalan

Sains merupakan salah satu ilmu terpenting dalam membantu membangunkan tamadun dan negara. Berdasarkan definisi, sains ialah analisis fenomena (alam) yang sistematik, logik dan objektif dengan kaedah khusus yang bertujuan untuk mewujudkan pengumpulan pengetahuan yang boleh dipercayai. Namun begitu, perkembangan pesat sains dan teknologi masa kini telah membentuk masyarakat yang meletakkan sains sebagai sumber ilmu mullak sehingga mengabaikan malah menolak ajaran Islam. Pemahaman ini dikenali sebagai saintifik yang dipercayai bermula dengan penemuan sains pada abad ke-16 dan ke-17.

Kepercayaan terhadap saintifik ini memisahkan aktiviti saintifik dengan kepercayaan dan amalan agama yang menyebabkan golongan ini menolak sumber ilmu lain yang diyakini tidak rasional dan tidak saintifik. Golongan ini iaitu saintisme juga dikenali sebagai positivisme logik. Bagi mereka kaedah saintifik perlu digunakan dalam semua bidang ilmu kerana segala masalah yang timbul boleh diselesaikan melalui sains. Ini sangat bertentangan dengan ajaran Islam di mana Islam mengintegrasikan ajaran agama dengan sains. Malah di dalam Al-Quran sendiri telah menerangkan dan menjelaskan pelbagai fenomena alam yang wujud di dunia ini.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian, memisahkan Islam dalam sains merupakan kesalahan yang bercanggah dengan Islam, maka dirumuskan bahawa masalah kajian sebagai berikut: "apakah punca-punca wujudnya fahaman dan golongan saintisme?, adakah disebabkan oleh perkembangan teknologi moden, wujudnya persepsi tentang pemisahan sains dan agama, kurangnya penghayatan terhadap agama, dan pemahaman sosial yang progresif.?"

Secara rumusnya, punca wujudnya fahaman dan golongan saintisme ialah perkembangan teknologi moden, wujudnya persepsi pemisahan sains dan agama, kurangnya penghayatan terhadap agama, dan pemahaman sosial yang progresif, maka secara khusus permasalahan kajian diterjemahkan kepada mengenal pasti masalah seperti dalam objektif kajian.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan harapan dapat mencapai objektif utama seperti yang berikut:

1. Untuk mengkaji kewujudan, perkembangan dan implikasi ideologi saintisme.
2. Untuk mempelajari pengkaji saintisme dan teori mereka.
3. Menafikan teori saintisme dengan membuktikan kebenaran al-Quran dan disokong oleh kajian-kajian ulama Islam.

Persoalan Kajian

1. Bagaimana untuk mengetahui kewujudan, perkembangan dan implikasi ideologi sains?
2. Siapakah antara golongan saintisme dan apakah contoh fahaman saintime mereka?
3. Bagaimana hendak menafikan fahaman saintisme berpandukan hujah-hujah daripada al-Quran?

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan literatur dan analisis teks. Penyelidikan yang dibuat berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder. Metodologi kajian ialah menggunakan kaedah kualitatif

atau kaedah kajian rujukan perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat bahan kajian. Bagi mengumpul data kajian ini, pendekatan ini telah digunakan iaitu memilih dan menentukan fokus kajian melalui pembacaan dan penulisan yang relevan dengan subjek kajian. Sumber untuk bacaan ini termasuk buku, kertas jurnal akademik, majalah dan akhbar, serta sumber internet yang berkaitan seperti kajian-kajian lepas. Seterusnya, mengumpul fakta yang berkaitan secara langsung dengan subjek kajian melalui pembacaan dan perbincangan dengan pakar dalam bidang yang berkaitan dengan subjek kajian. Akhir sekali, rujukan dari bahan sekunder ini telah dianalisis bagi menjawab segala persoalan dalam kajian yang dijalankan.

Kajian Lepas

Menurut artikel yang bertajuk “Teori Kewujudan Alam & Manusia Dari Perspektif Sarjana Islam Kontemporari” yang menganalisis teori letupan besar (The Big Bang Theory) & teori evolusi Darwin (Darwin’s Theory of Evolution) dalam kalangan sarjana Islam kontemporari mendapati bahawa kehadiran alam dan manusia adalah topik yang menjadi pertikaian di kalangan ulama Islam, namun masing-masing membincangkannya dalam kerangka wacana Islam tanpa menjejaskan komponen ketuhanan (Khairi Jalalluddin, et al, 2021). Artikel bertajuk "Analisis Nilai-Nilai Humanisme Dalam Islam" menyatakan teori evolusi yang menyatakan bahawa makhluk hidup wujud secara tidak sengaja dan tanpa tujuan mengurangkan kerelevanan Tuhan untuk kehidupan. Kerana agama tidak lagi diperlukan, makhluk hidup tidak lagi memerlukan pembebasan Tuhan. Selaras dengan teori evolusi, dalam bentuk hidup sedia ada pada permulaan masa adalah mikrob uniselular (haiwan kecil) dengan nukleus sel primitive (Amirudin, A. ,2019). Seterusnya, menurut artikel yang diberi tajuk “Persoalan Besar Kewujudan Alam & Manusia Dari Perspektif Sains Tauhidik, Antara Sarjana Islam & Guru: Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Di Kajang Selangor” mendapatkan bahawa mengenai kewujudan alam dan manusia serta kaitan antara sains dan Islam, sarjana Islam dan guru sains mempunyai perspektif yang berbeza (Khairi Jalalluddin, et al, 2022). Selain itu, di dalam artikel yang bertajuk “Akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah Sebagai Asas Pembinaan Tamadun Islam di Malaysia” menunjukkan hasil kajian bahawa beberapa punca dalaman, seperti assobiyyah dan fanatik terhadap ideologi setiap kumpulan, adalah yang membawa kepada perpecahan dalam kepercayaan. Selain itu, unsur-unsur luar seperti saintisme, yang merupakan falsafah dan ideologi Barat, juga menyumbang kepada pemisahan (Khairi Jalalluddin, et al, 2022). Selain itu, artikel bertajuk “Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia dalam Kumpulan Daesh” menyatakan ideologi ialah frasa utama yang digunakan pada masa kini untuk menggambarkan serangan pemikiran. Ungkapan ideologi sinonim dengan serangan terhadap minda, dan ia berasal dari negara Barat, yang merupakan salah satu usaha mereka yang diiktiraf untuk menggugat budaya negara Islam suatu ketika dahulu (Zakaria, W. F. A. W., 2020).

Perbincangan Kajian

Takrif Saintisme

Saintisme atau dikenali juga dengan kepercayaan bahawa kaedah sains harus diguna pakai untuk semua bentuk ilmu. Saintisme adalah fahaman yang meletakkan kaedah sains seperti sistematik, mantik dan objektif atas segala-galanya dan menafikan perkara-perkara yang tidak dapat dianalisis secara saintifik. Saintisme yang meletakkan martabat sains begitu tinggi sehingga menjadikan sains sebagai satu-satunya sumber kebenaran yang mutlak. Saintisme juga percaya satu masa nanti sains akan menyelesaikan apa juga masalah manusia. Terdapat juga pendapat yang lain yang

menyatakan saintisme ini menyebabkan golongan ini menolak sumber-sumber ilmu lain yang dilabelkan sebagai tidak saintifik dan tidak rasional. Mereka menolak ilmu wahyu sebagai sumber kebenaran.

Takrif Kebenaran

Istilah kebenaran dalam perspektif Barat telah dirumuskan dalam beberapa terma. Secara epistemologi kebenaran dalam bahasa Yunani adalah *aletheia* berarti terlepas dari perhatian, tidak jelas dan tidak terlihat. Kemudian ia berubah positif menjadi sesuatu yang dipahami, ditemukan, tampak dan terlihat. Dari hal ini, kebenaran dipahami sebagai sebuah daya terang yang ditemukan akal. Dalam bahasa Latin adalah *veritas* berarti pilihan atau kepercayaan akal. Sedangkan dalam Inggris adalah *truth* yang berarti apa yang dipahami dan dipilih akal. Artinya, disini rasio/akal merupakan sumber dan alat ukur yang paling diprioritaskan dalam mengukur suatu kebenaran di Barat khususnya Barat Modern.

Terma kebenaran dalam kaidah-kaidah Bahasa Arab mempunyai beberapa istilah. Misalnya adalah *haqq-batil* (kebenaran-kesalahan) sering digunakan dalam konteks ontologi, *sawab-khata'* (ketepatan-kekeliruan) dalam konteks ijtihad dan proses epistemologi, *sahih-fasid valid-invalid* dalam konteks proses epistemologi dan status hukum, dan *sidq-kizb* (benar-bohong) dalam konteks pernyataan lisan. Dari beberapa istilah tersebut, terma *haqq* lebih menyeluruh karena ia tidak hanya mengacu kepada pernyataan tetapi juga tindakan, perasaan, kepercayaan, penilaian, serta kejadian dalam eksistensi. Kejadian yang ditunjukkan oleh *haqq* bukan hanya berhubungan dengan kondisi sekarang, tetapi yang lalu dan akan datang. Artinya, terma *haqq* lebih menyeluruh maknanya bukan saja berkaitan dengan hal-hal yang fisik tetapi juga berkaitan dengan yang metafisika. Oleh karena itu, terma *haqq* dalam Islam juga merujuk kepada *al-Haqq* (sumber kebenaran) yaitu Allah yang sifatnya metafisika. Sebagaimana, terma *al-Haqq* dalam Q.S al-Baqarah [1]: 61 paling banyak menerangkan bahwa kebenaran yang absolut datang dari Allah.

Takrif Al-Quran

Maksud al-Quran terbahagi kepada dua iaitu bahasa dan istilah, dari segi bahasa maksudnya bacaan. Al-Quran pada istilah sebagaimana diterangkan Dalam Mu'jam al-Asasi ialah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W, majoriti ayatnya diturunkan di Mekah dan sebahagiannya diturunkan di Madinah, terdiri daripada 114 surah dalam 30 juzuk. Manakala dalam kitab *Mabahith fi Ulum al-Quran* memberi maksud al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab. Al-Quran ditulis dalam mashaf yang dipindahkan dari satu jenersi ke satu jenerasi secara mutawatir dan mendapat pahala bagi sesiapa yang membacanya, Ia dimulakan dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas. Dalam buku *Ulum al-Quran* menerangkan bahawa ia merupakan pengakhir bagi segala kitab dan diturunkan kepada rasul yang terakhir, pembawa agama yang menyeluruh bagi sekalian alam, dan merupakan perlembagaan agung yang merangkumi segala panduan untuk menunjuk jalan kebenaran kepada manusia sejagat. Lafaz al-Quran dibincangkan oleh para ulama', mereka mengatakan lafaz al-Quran berasal daripada perkataan *قرأ - يقرأ - قرأ - وقرأنا* yang memberi maksud *جمع* (himpun), lafaz ini digunakan untuk kalam yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad S.A.W iaitu al-Quran.

Akar Umbi Sainstisme

Berbagai sistem falsafah, ideologi moden yang diterapkan dalam kehidupan politik, ekonomi dan kebudayaannya serta berbagai pandangan hidup masyarakat moden dewasa ini, terkait dengan sejarah panjang saintisme. Akan halnya dengan relativisme kultural dan nihilisme yang dewasa ini juga berkembang subur, dan merupakan landasan pemikiran pasca moden, memiliki akar dalam sejarah saintisme serta utopia-utopia yang tumbuh daripadanya. Saintisme merupakan sistem pemikiran falsafah yang bertolak dari penemuan-penemuan ilmiah abad ke-16 dan 17M, khususnya penemuan-penemuan Copernicus, Kepler, Galileo dan Newton. Munculnya pemikiran falsafah yang bercorak rasional, yang berakar umbi dalam pemikiran Ibnu Rusyd, Descartes dan Bacon pada abad itu juga membantu hasil-hasil penemuan ilmiah di bidang astronomi dan mekanik ditransformasikan menjadi sistem pemikiran yang mampu merubah pandangan hidup, gambaran dunia (*weltanschauung*) dan cita-cita masyarakat, termasuk gambaran manusia tentang dirinya dan tempatnya di dunia. Diperkenalkannya teknik baru, seperti angka Arab, jam kota, teknik pembuatan kertas dan mesin cetak temuan Guttenberg, pada abad ke-13 sampai abad ke-17 M, juga tidak kecil perannya dalam memajukan perkembangan ilmu pengetahuan. Pada gilirannya ia juga menolong suburnya saintisme (Matson 1966:30)

1.0 Faktor Kewujudan

1) Perkembangan Sains dan Teknologi Moden

Manusia tidak lagi bergantung kepada kuasa ghaib seperti Pencipta kerana mereka yakin bahawa segala sains dan teknologi yang semakin canggih boleh menyelesaikan segala permasalahan di dunia.

2) Wujud Persepsi Pengasingan Sains & Agama

Menurut pembelajaran manusia oleh saintisme, permasalahan sains itu dibuat kajian dengan lebih mendalam terhadap sesuatu perkara yang berlaku. Mereka berpendapat bahawa kebenaran sains itu adalah kaedah yang terbaik kerana kandungan sains itu lengkap dari semua aspek dan lebih rasional berbanding ilmu lain.

3) Kurang Penghayatan Agama

Sains juga dikatakan ilmu yang rasional berbanding bidang ilmu yang lain oleh kerana ianya berkait rapat dengan realiti kehidupan kita. Golongan saintisme ini tidak mempercayai teori atau ilmu Islam yang lain hanya kerana ianya tidak logic dan tidak dapat dibuktikan secara saintifik.

2.0 Implikasi Falsafah Saintisme

1) Akidah terpesong

Akidah seseorang boleh terpesong kerana mereka seolah-olah menolak bukti-bukti yang menunjukkan kekuasaan Allah seperti mana yang diterangkan dalam Al-Quran. Individu terlalu mengagung-agungkan ideology sains itu kerana kelengkapan datanya. Ada yang mengatakan alam dan kehidupan ini tercipta dengan sendirinya dan bukan ciptaan Allah SWT.

2) Pemeliharaan syariat Islam terjejas

Islam telah mengajar umatnya tentang tatacara kehidupan manusia yang betul. Akan tetapi ideologi ini terbukti telah bercanggah dengan Islam. Hal ini kerana pegangan agama dan sains itu tidak selari dalam diri seseorang itu. Sains tidak membincangkan secara menyeluruh nilai-nilai moral. Oleh itu, manusia masih memerlukan pegangan iaitu Al-Quran sebagai panduan, peringatan, dan keterangan.

3) Dominasi ilmu sains dan teknologi oleh orang bukan islam

Disebabkan ilmu ideologi banyak diilhamkan oleh budaya Barat manusia akan lebih bergantung kepada ilmuan Barat berbanding dengan ilmuan Islam. Ilmu-ilmu sains juga akan lebih memilih kepada Barat berbanding Islam.

4) Manusia menolak peranan Pencipta dalam menguruskan segala urusan di dunia

Hal ini berlaku kerana mereka terlalu mengagung-agungkan ideologi saintisme oleh kerana kelengkapan data-datanya. Mereka tidak lagi bergantung kepada Allah untuk melakukan atau menyelesaikan masalah malah mereka lebih memilih kepada ideologi saintisme sendiri.

5) Pengabaian nilai nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat

Kepercayaan saintisme terlalu mementingkan teori sains sehingga mengabaikan aspek nilai nilai keinsanan yang berkaitan dengan aspek sosial. Falsafah saintisme juga menyebabkan kehidupan seseorang itu tidak seimbang kerana kemajuan arus sains dan teknologi. Sains yang sepatutnya mengubah sesuatu menjadi maju malah menjadikan keruntuhan nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, nilai-nilai sosial tidak dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat.

6) Menjadi agama baru manusia moden

Manusia terdedah dengan teknologi maklumat dan menghabiskan masa dengan teknologi yang ada pada masa ini. Apabila hal ini berlaku, pegangan agama seseorang itu akan menjadi lemah dan sentiasa bergantung dengan teknologi pada masa ini. Perkara ini akan menyebabkan seseorang itu percaya akan teknologi akan menyelesaikan segala permasalahan.

3.0 Pengkaji Saintisme Dan Teori

Teori Auguste Comte

Beliau membawa cara perkara asas manusia untuk masalah yang dihadapi oleh manusia. Beliau mempercayai bahawa maklumat yang sah hanya boleh dipercayai melalui pancaindera sahaja dan tidak ada perkara yang boleh membatasi jangkauan manusia serta tiada metafizik yang boleh menuntut sesuatu perkara.

Teori Evolusi Darwin

Darwin menjelaskan bahawa manusia tidak diciptakan secara semulajadi oleh Tuhan sebaliknya semua makhluk dan manusia ini adalah berasal dari nenek moyang yang sama. Darwin menggangao manusia berasal daripada "Simpanse iaitu Kera". Dalam bukunya yang berjudul *On the Origin of Species by Means of Natural Selection* menetapkan teori evolusi melalui garis keturunan.

Penulisan Michael Kinsley

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Michael Kinsley jelas menunjukkan terdapat unsur-unsur saintisme apabila dia menyatakan bahawa embrio bukan merupakan janin dengan tangan dan kaki yang melambai kecil tetapi beliau menganggap embrio sebagai 'pengelompokan mikroskopik dari beberapa sel yang berbeza.

3.1 Menafikan teori saintisme dengan membuktikan kebenaran al-Quran dan disokong oleh kajian-kajian ulama Islam.

Auguste Comte

Di dalam surah Al-Baqarah ayat 3

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: “Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama segala sesuatu, kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman, “Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu, jika benar apa yang kamu katakan itu?”

Ayat ini menyatakan bahawa ilmu pengetahuan yang dimiliki manusia adalah sangat terbatas, ia tidak boleh menentukan segala apa yang diperlukan hanya berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimilikinya, melainkan harus juga memohon bantuan kepada penciptanya iaitu Allah SWT.

Charles Robert Darwin

Petunjuk di dalam Al Quran yang menggambarkan bahawa manusia pertama adalah Adam a.s. yang dicipta daripada tanah. Adam a.s dicipta dengan sifat yang sempurna dalam bentuk manusia sebagaimana di dijelaskan oleh hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (256H) bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

خَلَقَ اللَّهُ آدَمَ وَطَوَّلَهُ سِتُونَ ذِرَاعًا، ثُمَّ قَالَ: اذْهَبْ فَسَلِّمْ عَلَى أَوْلِيكَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ، فَاسْتَمِعَ مَا يُحْيُونَكَ، تَحِيَّتُكَ وَتَحِيَّةُ ذُرِّيَّتِكَ، فَقَالَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ، فَقَالُوا: السَّلَامُ عَلَيْكَ وَرَحْمَةُ اللَّهِ، فَكُلُّ مَنْ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ عَلَى صُورَةِ آدَمَ، فَلَمْ يَزَلِ الْخَلْقُ يَنْقُصُ حَتَّى الْآنَ

Maksudnya: “Allah mencipta Adam (a.s) dalam bentuknya (semasa ia dijadikan, tanpa proses pembesaran), ketinggiannya (60) enam puluh hasta (manusia yang normal) maka berterusan setelah itu saiz kejadian menjadi semakin berkurangan (semakin rendah) sehingga sekarang”.

Hadis ini dengan jelas menunjukkan bahawa Adam a.s dijadikan tanpa melalui proses evolusi sebagaimana didakwa oleh teori Darwin.

Michael Kinsley

Proses penciptaan manusia di dalam rahim dijelaskan dalam Al Quran surah al- Mu'minin ayat 12-14.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا النَّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾ فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا

"Dan, sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari suatu saripati (berasal) dari tanah. Kemudian, Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kokoh (rahim). Kemudian, air mani itu Kami jadikan segumpal darah. Lalu, segumpal darah itu kami jadikan segumpal daging dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang. Lalu, tulang belulang itu Kami bungkus daging. Kemudian, Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain."

Dari ayat tersebut dapat disimpulkan adanya enam fasa terbentuknya janin dalam rahim. Tahap pertama penciptaan janin disebut Sulalah dimulai dari saripati mani. Allah menjelaskan bahwa manusia diciptakan " dari saripati air yang hina (air mani)". Manusia bukan diciptakan dari seluruh mani yang keluar dari suami istri, tetapi hanya dari bagian yang sangat halus. Itulah yang dimaksudkan dengan “ Sulalah".

Kesimpulan

Tuntasnya, seperti yang kita saksikan akan perkembangan teknologi yang sangat menakjubkan banyak membantu kehidupan manusia. Tambahan pula, ada golongan yang taksud dengan pemahaman sains yang dikenali dengan golongan saintisme. Seterusnya, mereka berpendapat

tanpa berlandaskan ajaran Islam lalu menyebabkan pemahaman atau pendapat mereka bercanggah dalam ajaran Islam. Selain itu, pemahaman golongan saintisme ini dapat merosakkan akidah seorang umat Islam yang terikut-ikut dengan fahaman golongan mereka itu. Oleh sebab itu, kajian ini ingin menjawab dan membuktikan kesalahan dan kecacatan bahawa pendapat ataupun teori mereka salah dengan apa yang dinyatakan dalam Quran. Banyak kajian saintifik moden pada hari ini yang membuktikan akan apa yang dinyatakan dalam Quran sejurus menjadi bukti bahawa Quran itu adalah kitab yang diwahyukan daripada Allah SWT. Maka sangatlah tidak layak untuk orang Islam untuk tidak menolak pemahaman golongan saintisme.

Rujukan

- Ab Majid, M. K. H. (1997). Skop, sejarah dan aliran pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 5, 111-136.
- Amirudin, A. (2019). Analisis Nilai-Nilai Humanisme Dalam Islam. *Eduprof : Islamic Education Journal*, 1(1), 53 - 86. <https://doi.org/10.47453/eduprof.v1i1.9>
- Azhar, M. H. M. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1), 65-83.
- Jalalluddin, K. ., & Sidik @ Mat Sidek , R. . (2022). Persoalan Besar Kewujudan Alam & Manusia Dari Perspektif Sains Tauhidik, Antara Sarjana Islam & Guru: Kajian Kes Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Di Kajang Selangor. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 172–184.
- Jalalluddin, K., & Salleh, K. T. A. M. (2021). AKIDAH AHLUS SUNNAH WAL JAMAAH SEBAGAI ASAS PEMBINAAN TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA.
- Jalalluddin, K., Sidik, R., Sidek, M., & Abd Rahman, N. (2021). Teori Kewujudan Alam & Manusia Dari Perspektif Sarjana Islam Kontemporari.
- M. Ali Kettani. 1991. Sains dan Teknologi dalam Islam: Sistem Nilai Sandaran. Dlm. Ziauddin Sardar (pnyt.). *Sentuhan Midas*. Terj. Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka <http://journalarticle.ukm.my/11347/1/21799-62722-1-SM.pdf>
- M., M. S. (2009). *Antara saintisme dan religionisme: Perspektif sosio-filosofis atas pandangan tiga biolog muslim di Indonesia tentang teori evolusi*. http://etd.repository.ugm.ac.id/home/detail_pencarian/43758
- Maurice Bucaille. 1994. Al-Quran sains moden. Dlm. Baharudin Ahmad (pnyt.). *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Sani Badron.(2018). Saintisme Merosak Ilmu Yang Bersepadu. Retrieved from <https://www.ikim.gov.my> <https://www.ikim.gov.my/index.php/2018/07/02/saintisme-merosakkan-ilmu- yangbersepadu/>
- Sulaiman Noordin, 1992, Sains falsafah dan Islam, Bangi: UKM <http://journalarticle.ukm.my/5995/1/48.pdf>
- Zakaria, W. F. A. W. (2020). Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia dalam Kumpulan Daesh: Ideology of Terrorism's Threat: The Factors of Malaysian Community that Involved in DAESH. *'Abqari Journal*, 23(1), 111-127.